

# **Selangor rancang 'trail' 120km dari Hulu Selangor ke Hulu Langat**

**Shah Alam:** Kerajaan negeri merancang mewujudkan laluan (trail) sepanjang 120 kilometer merentasi Central Forest Spine (CFS) dari Hulu Selangor hingga ke Hulu Langat.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia sebahagian daripada perancangan menjadikan 26 kawasan hutan simpan kekal (HSK) yang diisyihar sebagai Hutan Warisan Diraja Selangor sebagai antara tarikan pelancong terutama penggemar aktiviti lasak seperti mendaki serta merentas hutan.

Katanya, kemasukan orang awam ke kawasan hutan yang digazetkan itu akan dikawal bagi memastikan kualiti biodiversiti terpelihara.

"Menariknya, jalan yang disusun atur (Jabatan Perhutanan Selangor) sejauh 120 kilometer dan kalau itu betul-betul dibuat, ia akan menjadi salah satu daripada tarikan pelancongan terutama mereka yang sangat rapat aktiviti merentas hutan dan mendaki.

"Itu boleh menjadi produk (pelancongan) di masa depan, tetapi sudah pasti kena kawal jumlah kemasukannya kerana ia akan memberi impak terus terhadap kualiti hutan, kalau kita benarkan terlalu ramai masuk (hutan) ia akan kurang kawalan kebersihan, penjagaan, pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar," katanya pada Majlis Perisytiharan Hutan Warisan Diraja Selangor serta Seminar Mini Ekspedisi Saintifik Sungai Chiling Hutan Simpan Hulu Selangor, di sini, semalam.

Terdahulu Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengisyiharkan 108,000 hektar yang membabitkan 26 kawasan HSK sebagai Hutan Warisan Diraja Selangor.

Perisytiharan dibuat bagi menjadikan kesemua kawasan HSK di bawah Hutan Taman Negeri itu dijadikan hutan yang merangkumi aspek konservasi, penyelidikan, pendidikan, rekreatif, dan eko-pelancongan.